

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN : LISAN**
- DARIPADA : DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH [LENGGONG]**
- TARIKH : 16 JUN 2015 (SELASA)**
- SOALAN : Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:**
- (a) status dan kedudukan Projek Lenggong AgroValley; dan
 - (b) tahap kedudukan import bahan makanan negara ketika ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Projek Lenggong AgroValley dibangunkan melalui Strategi Lautan Biru (NBOS) dengan kerjasama erat Kerajaan Negeri dan Persekutuan dengan penglibatan pelbagai agensi di bawah MOA yang terdapat di Parlimen Lenggong.

Projek ini telah dipohon untuk pelaksanaan di bawah Rancangan Malaysia Ke Sebelas (RMKE-11). Komponen projek yang dipohon adalah seperti berikut :

- (i) Kluster Taman Kekal Pengeluaran Makanan;
- (ii) Kluster Zon Industri Akuakultur;
- (iii) Kluster Zon Ternakan;
- (iv) Kluster Usahawan Industri Asas Tani; dan

(v) Kluster Agropelancongan.

Dalam hubungan ini, pihak Unit Perancang Ekonomi akan menimbangkan permohonan projek yang dibuat melalui proses pemeriksaan bajet yang diadakan mulai bulan Mei sehingga Jun 2015.

- (b) Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah import makanan dari tahun 2005 hingga 2014 adalah sebanyak RM297.73 bilion. Bagi tempoh Januari hingga Februari 2015, nilai import makanan negara adalah sebanyak RM7.0 bilion. Penyumbang terbesar kepada import makanan negara bagi tempoh Januari hingga Februari 2015 tersebut adalah bahan makanan ternakan (RM1.2 bilion), kopi, koko, teh dan rempah (RM921.9 juta), keluaran dan sediaan makanan lain yang diproses (RM788.3 juta), hasil tenusu dan telur burung (RM704.5 juta) dan ikan, krustasia, moluska dan sediaan (RM659.6 juta).